



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a)
DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK (SUPERSCALE B)
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**PENGARAH PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI
SUPERSCALE B (\$8,000 EB KHAS \$8,210 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan *Electrical / Mechanical* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. i) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Superscale C atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.
3. Lulus / dipersyaratkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
4. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan bahawa bekalan elektrik adalah berterusan dan *reliable*;
2. Memastikan pengurusan dan pentadbiran yang berkesan, jujur dan amanah lagi efisien;
3. Mengurus dan mengawal kerja-kerja pembelian dan tawaran;



4. Mengawal kewangan termasuk perbelanjaan Jabatan dan memastikan kutipan hasil lancar dan sempurna;
5. Mengurus permohonan bekalan elektrik;
6. Mendaftarkan pekerja-pekerja pemborong dan pembekal bagi perkara yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Elektrik;
7. Mengurus dan mengawas projek-projek Perkhidmatan Elektrik;
8. Membuat perancangan dan perkembangan bagi *power system* bagi Negara Brunei Darussalam;
9. Mengurus dan mengawal bidang Keselamatan (*Safety and Security*) terutama bagi perkara yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Elektrik bagi kakitangan dan orang ramai dan juga bagi harta benda (perkakas) Kerajaan;
10. Menyediakan anggaran tahunan Jabatan dan juga anggaran bagi Rancangan Kemajuan Negara (tiap-tiap lima tahun sekali);
11. Menyelaras projek-projek kerjasama serantau seperti *Association of Southeast Asian Nations (ASEAN)*, *Asia Pacific Economic Cooperation (APEC)*, *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMPEAGA)* dan lain-lain yang bersangkutan paut dengan tenaga elektrik; dan
12. Menjadi urusetia bagi Jawatankuasa Tenaga Kebangsaan.